

18 MAY 1999

Sabbaruddin-Rombakan

SABBARUDDIN NAFI MASALAH KESIHATAN SEBABKAN TERPAKSA UNDUR DIRI

SHAH ALAM, 18 Mei (Bernama) -- Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Seri Sabbaruddin Chik hari ini menafikan bahawa beliau menghadapi masalah kesihatan sehingga menyebabkan beliau diramal mengundur diri atau digugurkan daripada Kabinet.

"Sudahlah, jangan tanya lagi soal kesihatan saya. Saya berterima kasih kerana ramai yang mengambil berat mengenai kesihatan saya, tetapi saya sihat dan jika kerap sangat ditanya mengenai kesihatan saya, lama-lama saya boleh jatuh sakit," katanya.

Sabbaruddin berkata beliau kini menjalankan aktiviti seperti biasa tanpa gangguan kesihatan dan telah mempengerusikan mesyuarat mingguan kementeriannya semalam dan majlis pagi ini.

Beliau ditemui pemberita selepas melancarkan acara mencari harta karun "Fun Trail Grand Slam 1999" anjuran Pan Pacific Hotels and Resort di Dewan Utama hotel itu di sini hari ini.

Sabbaruddin yang juga Setiausaha Agung Umno diminta mengulas laporan akhbar dalam beberapa hari kebekangan ini yang meramalkan rombakan Kabinet melibatkan beliau dan beberapa pemimpin Umno lain.

Beliau berkata laporan mengenai rombakan Kabinet adalah tafsiran atau ramalan media semata-mata walaupun semua orang tahu bahawa ia adalah hak mutlak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya tiada siapa yang benar-benar dapat memastikan apa sebenarnya yang sedang difikirkan oleh Perdana Menteri selain daripada membuat ramalan semata-mata.

Media boleh membuat ramalan demi ramalan mengenai rombakan Kabinet dan satu hari nanti mungkin satu daripada ramalan itu menjadi kenyataan, kata beliau.

Sabbaruddin berkata beliau tidak tahu bagaimana ramalan mengenai rombakan Kabinet dengan mengaitkan soal kesihatannya itu boleh bermula sedangkan beliau tidak pernah membuat kenyataan mengenainya.

Katanya, bagi majlis pagi ini beliau telah menyatakan komitmennya untuk menghadirinya ketika dijemput beberapa bulan lepas dan tidak pernah memikirkan soal kesihatannya sehingga mengganggu rancangan aktiviti masa depannya.

-- BERNAMA

AZH NMO